



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 03/2025**



# AMALAN UTAMA DALAM BULAN RAMADAN

07 MAC 2025 | 06 RAMADAN 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ  
مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ خَيْرٌ مَنْ صَلَّى وَصَامَ وَقَامَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza Wajalla**

Marilah kita bersama-sama mensyukuri nikmat Allah Taala kerana masih diberi peluang untuk berada pada bulan Ramadan 1446H yang penuh keberkatan ini. Marilah kita mengimarahkan bulan yang penuh barakah ini sebagaimana sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan Imam al-Bukhari dan Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

**Yang bermaksud:** *“Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu.”*

Berdasarkan hadis tersebut Imam Ibnu Hajar al-Asqalani berkata yang dimaksudkan dengan keimanan ialah berkeyakinan akan kefarduan puasa, manakala maksud pengharapan pula ialah memohon ganjaran daripada Allah Taala tanpa mengira berat serta panjang harinya.

Antara amalan yang sangat dianjurkan apabila memasuki bulan Ramadan:

Pertama: Menunaikan Solat Sunat Terawih secara berjemaah

Terdapat sebuah hadis yang menceritakan tentang ganjaran bagi mereka yang menunaikan solat Tarawih. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam riwayat Imam Tirmizi, An Nasa’i dan Ibnu Majah:

مَنْ قَامَ مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ قِيَامَ لَيْلَةٍ

**Yang bermaksud:** *“Sesiapa yang mendirikan solat (solat tarawih) bersama imam sehingga selesai, maka Allah telah memberikannya ganjaran qiyam sepanjang malam”.*

Berdasarkan hadis ini ia adalah galakan menunaikan solat tarawih secara berjemaah. Oleh itu, berdasarkan pandangan muktamad mazhab Syafie menunaikan solat tarawih 20 rakaat secara berjemaah lebih afdal sebagaimana dipetik daripada Imam Nawawi Rahimahullah dalam kitab



al-Majmuk. Ini bersesuaian dengan athar Saidina Umar al-Khattab Radiallahu Anhu yang mengumpulkan kaum muslimin menunaikan solat tarawih 20 rakaat diimamkan oleh Saidina Ubai Bin Ka'ab Radiallahu Anhu tanpa ada bantahan daripada mana-mana sahabat. Amalan salaf inilah yang diwarisi sehingga ke hari ini.

#### Kedua: Memperbanyak Bacaan al-Quran

Seperti yang diketahui, istimewanya bulan Ramadan adalah kerana peristiwa turunnya al-Quran yang menjadi sumber hidayah dan petunjuk buat sekalian umat manusia.

Firman Allah Subhanahu Wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ؕ

**Yang bermaksud:** *“(yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang batil”*

#### Ketiga: Bersedekah

Bulan Ramadan juga adalah merupakan bulan di mana kita digalakkan untuk memperbanyakkan bersedekah sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah manusia yang paling pemurah. Kemuncak sifat pemurah Baginda SAW ialah pada bulan Ramadan.



Justeru, banyakkannya sedekah dalam bulan Ramadan, seperti menjamu orang berbuka puasa, berinfaq kepada tabung masjid, fakir miskin, orang-orang tua, ibu bapa, kaum keluarga, anak-anak yatim, dan lain-lain.

Keempat: Menghidupkan qiamullail dan iktikaf

Terdapat banyak riwayat yang menjelaskan akan keutamaan menghidupkan ibadah malam dan beriktikaf di masjid, antaranya riwayat Imam al-Bukhari daripada Saidina Ibn Umar Radiallahu Anhuma di mana beliau berkata yang bermaksud: *“Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam biasa beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Ketika kita melakukan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa Taala dalam bulan yang penuh barakah ini, jauhkanlah diri kita daripada melakukan perkara buruk dan sia-sia sebagaimana hadis yang diriwayatkan Imam Ibnu Majah daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *“Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh jadi orang yang berqiyam itu tidak mendapat apa-apa daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam”*

Antara sebab yang menjadikan puasa seseorang itu menjadi sia-sia adalah kerana dia tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan yang keji



atau dusta serta dia tidak meninggalkan perkataan yang melalaikan dan lucah. Sebuah hadis riwayat Imam Bukhari daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*“Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya, maka Allah tidak berhajat orang itu meninggalkan makan dan minumannya”.*

### **Sidang jumaat yang dirahmati Allah Taala**

Hakikat Ramadan juga sepatutnya menjadi bulan mendidik umat Islam supaya bersederhana dan tidak membazir sebagaimana titah dan nasihat Kebawah Duli Tuanku Sultan Pahang saban tahun setiap kali datangnya Ramadan.

SWCorp mendedahkan pada Ramadan tahun 2024, kutipan sisa domestik di negara ini meningkat kepada 300 tan metrik setiap hari. Ia boleh dielakkan sekiranya orang ramai tahu cara penyimpanan makanan yang betul serta pembelian secara berhemah dan ini mampu menghalang pembaziran berlaku. Allah berfirman dalam surah al-Isra' ayat 27 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya.*”

Kesimpulannya, marilah kita sentiasa bersemangat dan istiqamah untuk memperbanyakkan ibadah sepanjang bulan Ramadan khususnya menunaikan solat sunat tarawih secara berjemaah, memperbanyakkan bacaan al-Quran, bersedekah, menjamu orang berbuka puasa, menghidupkan ibadah malam dan beriktikaf pada sepuluh malam yang terakhir. Namun pada masa yang sama, elakkanlah daripada perbuatan yang sia-sia serta membazir.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي  
وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.